

Nama : _____

Tingkatan : _____



SMA DAERATUL MAARIFIL WATANIAH 1
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2021
TINGKATAN 4

MATA PELAJARAN : PRINSIP PERAKAUNAN

MASA : 1 Jam

ARAHAN : Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas soalan di ruangan yang disediakan.

1. Pernyataan manakah yang menerangkan perakaunan ?
 - I Sebahagian daripada simpan kira
 - II Mencakupi bidang yang lebih luas daripada simpan kira
 - III Meliputi proses menganalisis, mentafsir, merancang, menilai dan merumus
 - IV Hanya melibatkan proses mengumpul dan merekod urus niaga secara tepat dan sistematik

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
2. Seorang akauntan perlu bersikap jujur dan telus dalam hubungan professional dengan pihak lain supaya tidak berlaku kekeliruan dan pemalsuan kenyataan. Apakah ciri etika profesion perakaunan yang dimaksudkan ?

A Integriti B Objektiviti C Kerahsiaan D Kompetensi
3. Apakah subbidang perakaunan yang meliputi kerja memeriksa rekod kewangan untuk mengesahkan rekod maklumat perakaunan adalah betul dan tepat.

A Percukaian C Perakaunan Kewangan
B Pengauditan D Perakaunan Pengurusan
4. Siapakah yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem catatan bergu ?

A Adam Smith B Luca Pacioli C Isaac Newton D Galileo Galilei

5. Siapakah merupakan **pengguna dalaman** Penyata Kewangan ?
- A Pembekal B Pihak Bank C Agensi Kerajaan D Pihak Pengurusan
6. Penyataan yang manakah benar tentang diskaun niaga?
- A Potongan daripada jumlah hutang.
 B Menggalakkan pembelian secara pukal
 C Potongan daripada harga bersih dalam invois
 D Menggalakkan pembayaran hutang dengan cepat
7. Akaun yang manakah merupakan catatan kontra?
- A Akaun belian C Akaun jualan
 B Akaun Inventori akhir D Akaun pulangan masuk
8. Urus niaga yang manakah melibatkan penggunaan nota kredit?
- A Jualan barang niaga secara tunai
 B Belian barang niaga secara kredit
 C Pelanggan membayar hutang dengan cek
 D Pelanggan memulangkan barang niaga salah jenama
9. Pernyataan berikut menerangkan suatu ciri kualitatif Penyata Kewangan.
- Setiap butiran dalam Penyata Kewangan dapat dibuktikan dengan sokongan dokumen sumber.
- Berpanduan pernyataan tersebut, apakah ciri kualitatif Penyata Kewangan yang dimaksudkan ?
- A Kerelevanan C Kebolehfahaman
 B Kebolehsahan D Kebolehbandingan
10. Cik Zan, seorang peniaga telah merekodkan ambilan tunai yang telah digunakan oleh keluarganya sebagai ambilan. Apakah andaian perakaunan yang telah diamalkan oleh Cik Zan ?
- A Ketekalan B Prinsip Kos C Entiti Berasingan D Usaha Berterusan
11. Manakah Ekuiti Pemilik ?
- A Inventori B Bank C Modal D Akaun Belum Terima

12. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Wan Trading

- Memulakan perniagaan pada 1 Mac 2020
- Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 12 bulan

Tempoh perakaunan Wan Trading ialah

- | | | | |
|---|-------------------------------|---|------------------------------------|
| A | 1 Mac 2020 hingga 1 Mac 2021 | C | 1 Mac 2020 hingga 1 Februari 2021 |
| B | 1 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021 | D | 1 Mac 2020 hingga 28 Februari 2021 |

13. Pada tahun kewangan 2020, Kedai Kasut Top masih merekodkan komputer pejabat pada harga belian iaitu RM 3 500 walaupun harga pasaran ialah RM 2 000. Apakah prinsip perakaunan yang terlibat ?

- A Ketekalan B Prinsip Kos C Tempoh Perakaunan D Wang sebagai ukuran

14. Pernyataan manakah yang merupakan ciri milikan tunggal ?

- | | | | |
|---|---------------------------------|---|---------------------------------------|
| A | Liabiliti terhad | C | Diuruskan oleh pekongsi yang aktif |
| B | Modal disumbangkan oleh pemilik | D | Berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 |

15. Perniagaan Rain telah merekodkan insurans RM 1 500 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk insurans belum bayar sebanyak RM 200. Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi ?

- | | | | |
|---|-------------------|---|---------------------------------|
| A | Prinsip Kos | C | Usaha Berterusan |
| B | Entiti Berasingan | D | Pengiktirafan Hasil dan Belanja |

16. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Klinik Yip dan rakan-rakan ?

- | | | | |
|----|----------------------------------|-----|-------------------------------------|
| I | Liabiliti terhad | III | Keuntungan dikongsi dengan pekongsi |
| II | Modal disumbangkan oleh pekongsi | IV | Didaftar dengan Pendaftar Syarikat |
| A | I dan II | B | I dan IV |
| C | II dan III | D | III dan IV |

17. Pilih padanan yang betul.

	Milikan Tunggal	Perkongsian
A	Diuruskan oleh pemilik	Diuruskan oleh pekongsi aktif
B	Liabiliti terhad	Liabiliti tidak terhad
C	Berdaftar di bawah Akta Perkongsian 1961	Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan
D	Modal disumbangkan oleh pemilik	Modal disumbangkan oleh pekongsi aktif

18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber modal Syarikat Berhad ?

- A Sumbangan daripada para pekongsi C Pinjaman daripada institusi kewangan
B Subsidi daripada kerajaan D Terbitan saham kepada orang awam

19. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri suatu jenis perniagaan.

- Bilangan minimum ahli 50 orang
- Modal dikumpul daripada anggota
- Liabiliti terhad
- Keuntungan diagihkan kepada anggota dalam bentuk dividen


Antara yang berikut, jenis perniagaan yang manakah menepati ciri-ciri tersebut ?

- A Jay Trading C Syarikat Jay Sdn Bhd
B Firma Guaman Jay & Jay D Koperasi Jay Berhad

20. Proses simpan kira merangkumi aktiviti....

- I merekodkan II mengenal pasti III merancang IV menganalisis
A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

21. Rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Manakah yang benar bagi X dan Y ?

	X	Y
A	Lejar	Jurnal
B	Lejar	Imbangan Duga
C	Imbangan Duga	Lejar
D	Imbangan Duga Terselaras	Imbangan Duga

22. Antara yang berikut, manakah yang bukan tujuan penubuhan MASB (Malaysian Accounting Standard Board) ?

- A Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan
B Menentukan kod etika akauntan
C Menetapkan taraf bagi kelayakan profesional
D Menerbitkan, menyemak dan membaiki amalan standard dalam pelaporan kewangan

23. Yang manakah bukan buku catatan pertama?

- A Jurnal am B Buku tunai C Penyata bank D Buku tunai runcit

24. Kaedah yang sama dan konsisten digunakan untuk merekodkan dan memproses data. Amalan tersebut adalah berasaskan prinsip

- A ketekalan C usaha berterusan
B entiti berasingan D pengiktirafan hasil dan belanja

25. Pernyataan di bawah ini merujuk kepada suatu andaian perakaunan.

Perniagaan dianggap mempunyai hayat yang berterusan dan tidak dibubarkan dalam jangka pendek.

Andaian tersebut ialah

- A wang sebagai ukuran C usaha berterusan
B entiti berasingan D tempoh perakaunan

26. Maklumat yang manakah dicatatkan di lajur butir dalam Jurnal Jualan?

- A Nama pemilik C Nama pembekal
B Nama pelanggan D Nama barang niaga

27. Komponen Penyata Pendapatan terdiri daripada

- I aset II hasil III belanja IV ekuiti pemilik
A I dan II B I dan III C II dan III D III dan IV

28. Apakah komponen Penyata Kedudukan Kewangan ?

- I aset II hasil III liabiliti IV ekuiti pemilik
A I, II dan III B I, II dan IV C I, III dan IV D II, III dan IV

29. X ialah harta tahan lama yang digunakan untuk beberapa tahun bagi membantu menjalankan perniagaan.

X ialah

- A aset semasa C aset bukan semasa
B liabiliti semasa D liabiliti bukan semasa

30. Manakah yang merupakan hasil operasi bagi sesebuah perniagaan ?

- | | | | |
|---|---------------|---|----------------------|
| A | Hasil jualan | C | Faedah atas simpanan |
| B | Sewa diterima | D | Sewa diterima |

31. Item manakah yang bukan belanja operasi ?

- | | | | |
|---|---------------------|---|---------------------------|
| A | Belian barang niaga | C | Belanja air dan elektrik |
| B | Angkutan masuk | D | Faedah atas pinjaman bank |

32. Kumpulan item manakah yang merupakan aset semasa ?

- | | | | |
|---|------------------------|---|--|
| A | Tunai, inventori, bank | C | Pinjaman, insurans, akaun belum terima |
| B | Komisen, bank, tunai | D | Akaun belum bayar, bank, inventori |

33. Yang manakah liabiliti bukan semasa ?

- | | | | |
|---|-------------------|---|-------------------|
| A | Overdraf bank | C | Pinjaman bercagar |
| B | Akaun belum bayar | D | Sewa prabayar |

34. Padanan yang manakah **betul** bagi merekodkan urus niaga dalam buku catatan pertama?

	Urus niaga	Buku Catatan Pertama
A	Terima invois kerana membeli aset bukan semasa.	Jurnal am
B	Terima invois daripada pembekal barang niaga	Jurnal jualan
C	Hantar nota kredit kerana harga barang niaga terkurang caj dalam invois	Jurnal belian
D	Terima nota kredit kerana barang niaga yang salah jenama dipulangkan	Jurnal pulangan jualan

35. Yang berikut merupakan badan-badan perakaunan di Malaysia **kecuali**

- | | | | |
|---|------|---|------------------------|
| A | MIA | C | Badan profesional |
| B | MASB | D | Mahkamah perindustrian |

36. Buku Tunai Runcit disediakan untuk mencatat perbelanjaan kecil. Sistem yang diamalkan dalam penyediaan Buku Tunai Runcit ialah

- | | | | |
|---|--------------------|---|------------------------|
| A | Sistem Panjar | C | Sistem Catatan Bergu |
| B | Sistem Dana Runcit | D | Sistem Catatan Tunggal |

37. Dokumen yang berikut diterima oleh Cik Nina seorang kerani akaun Kedai Alat Muzik Gema

MEMO KEDAI ALAT MUZIK GEMA Peringatan: Pemilik telah mengambil gitar bernilai RM 140 untuk sampel promosi (Ringgit Malaysia: Seratus empat puluh sahaja) <i>DfNt</i> Pengurus

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Belian
B	Belian	Ambilan
C	Promosi	Belian
D	Belian	Promosi

38. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi dokumen perniagaan ?

- I Sebagai alat perancangan pada masa hadapan
 - II Sebagai asas untuk menyediakan Imbangan Duga
 - III Sebagai bukti bertulis sesuatu urus niaga telah berlaku
 - IV Sebagai alat komunikasi antara pembekal dengan pembeli
- A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

39. Antara berikut, dokumen manakah yang digunakan dalam urus niaga tunai ?

- I Nota Debit II Invois III Bil Tunai IV Slip Pindahan Wang
- A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

40. Antara yang berikut, urus niaga manakah derekodkan di sebelah debit Buku Tunai ?

- I Bayar gaji dengan cek III Ambilan tunai
 - II Terima faedah simpanan tetap IV Membawa masuk modal tambahan
- A I dan II B I dan III C II dan III D II dan IV